



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK

2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu
UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka



Elemen *Da'wah* dalam Pembelajaran Berasaskan Strategi *Blended Learning*

Norhapizah Mohd Burhan^{1*}, Asjad Mohamed², Nurul Hidayah Che Hassan³,
Muhammad Muzakir Othman⁴, Zulkefli Mohamad⁵

^{1,2,4 & 5} Academy Contemporary of Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Pahang,
Kampus Jengka, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia
nrizahuia@gmail.com, asjad@pahang.uitm.edu.my, ziekir@yahoo.com, zulke999@pahang.uitm.edu.my

³ Academy Contemporary of Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Pahang,
Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia
nurulhidayah@pahang.uitm.edu.my

Penulis Rujukan

Abstrak: Pembelajaran abad 21 memerlukan pendidik menggunakan pendekatan pengajaran mengikut keperluan pelajar agar matlamat pembelajaran tercapai. Namun hakikatnya, kaedah pengajaran dalam kursus-kursus di universiti masih bersifat tradisional, berasaskan kuliah, dan kurang pengintegrasian ICT. Fenomena sedemikian menurunkan motivasi pelajar untuk belajar sekaligus menyukarkan pendidik dalam menyampaikan ilmu mahupun *da'wah* dalam membentuk tingkahlaku positif kepada pelajar. Kertas kerja ini bertujuan menganalisis elemen *da'wah* dalam pembelajaran berasaskan strategi *Blended Learning*. Kaedah kajian secara kualitatif digunakan dengan melakukan analisis kandungan terhadap kajian-kajian lepas. Hasil kajian mendapati strategi *Blended Learning* dapat memudahkan pendidik menyampaikan ilmu secara luwes dan mengandungi elemen *da'wah* secara tidak langsung yang bersesuaian dengan keperluan pelajar generasi digital. Di samping itu peluang pembelajaran yang fleksibel memberi ruang tambah kepada pendidik untuk menerap nilai tingkahlaku positif yang tidak hanya berfokus kepada silibus pembelajaran. Dapatan kajian menyumbang kepada praktik dan amalan pembelajaran berasaskan strategi BL dalam pembelajaran di universiti bagi meneruskan kelestarian kursus yang ditawarkan.

Kata Kunci: *Blended Learning*, *Da'wah*, Pembelajaran

1. Pendahuluan

Pendidikan tinggi mengalami perubahan radikal dalam memenuhi aspirasi dan tuntutan pembangunan negara. Justeru, aspek pedagogi menjadi salah satu fokus dan tugas utama pensyarah (Duh & Krasna 2010; Mahadi 2006; Nurmalinda 2011) agar pelaksanaannya sentiasa terkehadapan dan selari dengan perkembangan yang berlaku dalam dunia semasa (Malek & Liew 2002; Moh Uzer Usman 2002; Sardiman Arief 2003). Oleh itu, pensyarah sepatutnya bukan sahaja mahir dalam ilmu yang hendak diajar, tetapi perlu mempelbagaikan kaedah dan strategi pengajaran (Azizah 1999). Namun, senario di universiti pada hari ini, kompetensi pedagogi pensyarah dalam proses P&P berada pada tahap sederhana. Bahkan, ramai pensyarah tahu cara terbaik untuk pelajar belajar tetapi, tidaklah terlalu mengambil kira cara pelajar mereka belajar (Fry et al. 2009). Kajian yang dilakukan oleh Lu (2013) mendapati, warga fakulti Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia mempunyai tahap inovasi pedagogi sederhana di antara 'emergent' dan 'innovative'.

Kaedah pengajaran pensyarah di IPT masih cenderung menggunakan kaedah kuliah atau syarahan sebagai teknik pengajaran yang utama (Wan Amizah et al. 2012). Hasil sorotan literatur menunjukkan Pendidikan Islam masih menggunakan pendekatan tradisional, berpusat kepada kursus dan mengutamakan penghafalan (Muhamad Faisal et al. 2011). Malah, kaedah syarahan atau kuliah merupakan kaedah yang paling popular digunakan oleh pensyarah (Mustapha Kamal 2015; Norhapizah & Ab. Halim 2013; Wan Zulkifli & Mohd Arip 2012; Zaid Ahmad et al. 2004). Berdasarkan laporan penyelidikan pelaksanaan dan keberkesanan kursus TITAS di IPTA Malaysia mendapati para pelajar dilihat mempunyai sikap sambil lewa terhadap kursus kerana pengendaliannya kurang berjaya menarik minat pelajar untuk mempelajari kursus

berkenaan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Laporan penyelidikan 2010). Berdasarkan kajian Zulkifli (2002) mendapati, kemahiran pensyarah dalam aspek metodologi P&P kursus TITAS berada di tahap yang sederhana. Faktor ini menyebabkan, motivasi dan kecenderungan pelajar menurun terhadap kursus tersebut. Menerusi kajian yang dijalankan oleh Norhayati Fatmi et al. (2010) terhadap pelaksanaan kursus TITAS di IPT, kajian mendapati, wujud IPT yang menjalankan sesi P&P bersifat terlalu akademik dan berorientasikan peperiksaan menyebabkan pelajar-pelajarnya kurang berminat dengan kursus TITAS. Bahkan, Mohamad Azhari et al. (2012) di dalam kajiannya merumuskan, hampir semua daripada pelajar (78%) yang memberi maklumbalas secara bertulis mencadangkan agar kaedah pengajaran kursus ini diperbaiki. Oleh yang demikian, kaedah pengajaran perlu ditingkatkan kualiti serta diperbaiki, agar ianya memenuhi keperluan pelajar dan kursus tersebut.

Blended Learning (BL) ialah salah satu strategi pembelajaran pada abad ke 21 yang menggabungkan kepelbagaian corak pembelajaran agar dapat meraikan perbezaan setiap individu (Driscoll 2002). Islam mengiktiraf manusia mempunyai perbezaan potensi dan kebolehan antara satu sama lain. Oleh kerana itu, pendekatan dan strategi yang hendak digunakan dalam pembelajaran perlu mengambil kira kepelbagaian bakat, kemahiran dan ilmu yang dimiliki oleh setiap individu. BL sebagaimana yang dinyatakan oleh Driscoll (2002) mengemukakan strategi yang berbeza kepada orang yang berbeza. Oleh itu secara tidak langsung BL bersesuaian sebagai medium *da'wah* dalam pembelajaran generasi digital hari ini. *Da'wah* menurut Zainal dan Mustari (2012) ialah satu usaha mengajak manusia beriman dan taat akan segala perintah Allah dan larangan Allah, usaha menyelamatkan manusia dari melakukan segala kesalahan yang bertentangan dengan syariat Islam dalam bentuk usaha yang pelbagai bagi menyampaikan segala wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada sekalian manusia. *Da'wah* adalah usaha menyebarkan, menyampaikan, menyedarkan dan mempunyai kaedah tersendiri bersesuaian dengan mad'u (audien). Justeru BL juga mempunyai pelbagai mekanisme yang dilaksanakan bagi memastikan mad'u (pelajar) dapat memahami, menguasai, meminati dan bermotivasi mempelajari kursus yang diambil tanpa rasa jemu dan bosan. Perincian mengenai konsep BL dapat dilihat sebagaimana yang dijelaskan di dalam Jadual 1:

Jadual 1. Konsep *Blended Learning*

Pengarang	Definisi
Driscoll 2002	Gabungan teknologi berasaskan web, gabungan pendekatan pedagogi, teknologi instruksi dengan pembelajaran bersemuka dan teknologi instruksi dengan tugas dalam konteks sebenar.
Singh 2003	Gabungan pembelajaran bersemuka dan pembelajaran elektronik atau jarak jauh, menggunakan teori pembelajaran yang berbeza, metode dan teknik dalam tempat yang sama dan pembelajaran disokong dengan pelbagai teknologi dalam talian semasa proses pembelajaran di dalam kelas.
Osguthorpe & Graham 2003	Kombinasi pelbagai pendekatan pembelajaran, gabungan beberapa metode penyampaian yang berbeza, seperti perisian kolaborasi, kursus berasas web atau amalan komunikasi menerusi komputer dan instruksi bersemuka secara tradisional.
Graham 2004	Kombinasi kaedah instruksi atau media penyampaian, kombinasi metode instruksi, kombinasi kaedah penyampaian dalam talian dan instruksi bersemuka, kombinasi instruksi daripada dua model P&P yang terpisah; sistem pembelajaran tradisional bersemuka dan sistem pembelajaran agihan dan peranan teknologi berasaskan komputer.
Bersin 2004	Pelajar belajar lebih baik bila dia mempunyai lebih daripada satu media. Fakta yang mudah ialah dua atau tiga perbezaan jenis latihan (membaca buku, membuat latihan dan mendengar kuliah, berinteraksi dengan kursus berasas web) mempunyai kesan yang signifikan terhadap pembelajaran masteri dan peneguhan).
Oliver & Trigwell 2005	Gabungan teknologi berasaskan web, gabungan pendekatan pedagogi dengan teknologi, gabungan sebarang teknologi instruksi dengan

	pembelajaran bersemuka, dan gabungan teknologi instruksi dengan tugas sebenar.
Esyin 2009	Melibatkan kombinasi dua bidang iaitu teknologi dan pendidikan; atau dua kumpulan manusia iaitu ahli teknologi dan ahli pendidikan, proses berfokuskan pendidikan untuk meningkat dan mengubah pembelajaran bersemuka dengan menggabungkan teknologi secara hubungan simbiosis.
Huang 2012	Integrasi berasaskan teknologi web (kelas maya, pembelajaran kolaboratif, media langsung dan teks). Integrasi pelbagai metode pengajaran (konstruktivisme, behaviorisme dan kognitisme) dan teknologi pengajaran (video, CD-ROM, filem berasaskan web) dan pengajaran bersemuka.
Kaur 2013	Sistem penyampaian membolehkan pelajar untuk belajar dan akses bahan dalam pelbagai mod. Ciri yang sangat penting kerana kebiasaannya pelajar mempunyai gaya belajar berbeza. BL membuatkan kemungkinan untuk mempelbagaikan kadar bahan pembelajaran baru dan kerja sendiri. Pelbagai tugas dalam talian bagi kursus secara <i>blended</i> menyumbang faedah untuk menghapuskan jurang pengetahuan dan bahan pembelajaran.
Cho & Ernest 2013.	BL ialah gabungan instruksi bersemuka dan pembelajaran mampu diri dalam talian, gabungan media, gabungan kaedah penyampaian dalam talian (asinkronis) dan persekitaran pembelajaran bersemuka.
Mohamed Amin et al. 2014	Pembelajaran berpusatkan pelajar, pembelajaran kadar sendiri, fleksibel dan pendekatan pelbagai kaedah.
Ibrahim & Mehmet 2014	Gabungan kekuatan aspek daripada dua pendekatan yang tersedia untuk menghapuskan kekurangan pembelajaran tradisional dan pembelajaran berasaskan web. Dalam literatur antarabangsa ia merujuk sebagai pembelajaran hibrid dan pembelajaran gabungan.

Berdasarkan kepada konsep BL yang dipaparkan dalam Jadual 1, dapat dilihat BL mengandungi elemen *da'wah* kerana metode yang disediakan dalam model pembelajaran berkenaan mengandungi kepelbagaian yang dapat meraikan keperluan pelajar. Ia selari dengan konsep dakwah yang mengandungi elemen *bil-hikmah*, *mau'izatul hasanah* dan *al-mujadalah*. Menurut Zainal dan Mustari (2012), lapan jenis *da'wah* yang boleh diaplikasikan secara hikmah semasa berdakwah agar para mad'u dapat menerima *da'wah* yang disampaikan: (a) mengenali golongan sasaran, (b) masa bersesuaian bicara dan diam, (c) mencari persamaan dengan audien, (d) toleransi, (e) memilih kata yang tepat, (f) *uswatun hasanah*, (g) meninggalkan *ibrah*, dan (h) *lisan al-hal*. Sementara itu empat jenis *da'wah* yang dapat memberi peringatan (*mau'izatul hasanah*) kepada para mad'u ialah: (a) nasihat, (b) *tabsyir dan tanzhir*, (c) wasiat, dan (d) kisah. Manakala metode *mujadalah* yang paling bersesuaian ialah berdialog dan bertukar-tukar fikiran. Oleh itu kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis elemen *da'wah* dalam pembelajaran berasaskan strategi *Blended Learning*.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi reka bentuk analisis kandungan (Krippendorff 2004) bagi mengkaji elemen *da'wah* dalam pembelajaran berasaskan strategi *Blended Learning* (BL). Fokus kajian ini dinilai dan dianalisa melalui buku dan artikel yang membincangkan tentang konsep *da'wah* dan konsep *Blended Learning* (BL) untuk melihat aspek-aspek persamaan antara kedua-dua terma berkenaan. Kajian ini dibataskan kepada pembelajaran dalam bidang Pendidikan Islam iaitu merujuk kepada kaedah pengajaran kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) pada tahun 2000 hingga 2015. Pangkalan data yang menjadi sandaran bagi konsep BL ialah jurnal ERIC, SAGE, Scopus, Springer dan TOJET. Manakala konsep *da'wah* pula dirujuk menerusi karangan Abdul Aziz Mat Zain (1999) dan al-Faruqi (2011).

Elemen *da'wah* dalam Pembelajaran Berasaskan Strategi *Blended Learning*

BL ialah program pendidikan formal iaitu pelajar belajar sekurang-kurang melalui penyampaian kandungan dalam talian dengan sebahagian elemen yang dikawal oleh pelajar beberapa waktu secara sendiri, dan pada mana-mana tempat (Graham 2006). Kepelbagaian strategi dalam BL bersesuaian dengan sifat manusia yang diciptakan oleh Allah berbeza kemampuan di antara satu sama lain (Rohana 2010). Program pendidikan Rasulullah sangat menitikberatkan keadaan kemampuan atau potensi yang dimiliki oleh setiap anak didik (Abdul Fattah 2011). Fry et al. (2009) mengakui semua orang tidak belajar dalam bentuk yang sama atau bersedia terhadap semua bahan pembelajaran pada setiap masa. Tambahan pula, salah satu sifat manusia yang tidak dapat dielakkan ialah konsep manusia yang pelupa seperti firman Allah dalam surah al-Zumar ayat 8 (Abdullah Muhammad Basmeih, 2001) iaitu:

Maksudnya:

“Dan apabila manusia itu ditimpa kemudaratan, dia memohon pertolongan kepada Tuhannya dengan kembali kepadaNya; kemudian apabila Tuhan memberikan nikmatNya kepadanya lupalah dia akan kemudaratan yang pernah dia berdoa kepada Allah untuk menghilangkannya sebelum itu”.

(Al-Zumar 39:8)

Selanjutnya, dalam surah dan ayat yang lain pula, Allah berfirman tentang kekekaan dan kealpaan manusia sebagaimana surah al-Isra' ayat 83 (Abdullah Muhammad Basmeih 2001) iaitu:

Maksudnya:

“Dan apabila Kami berikan kesenangan kepada manusia, nescaya berpalinglah dia; dan membelakangkan dengan sikap yang sombong; dan apabila dia ditimpa kesusahan nescaya dia berputus asa”.

(Al-Isra' 17:83)

Berdasarkan kedua-dua ayat di atas menunjukkan sifat pelupa yang dilalui oleh manusia terutama apabila memperoleh nikmat yang dikurnia Allah. Dalam situasi sebegini, jika dikaitkan sifat manusia dengan pembelajaran, maka sudah tentu manusia juga tidak lari daripada lupa terhadap apa yang telah dipelajari atau dilakukan. Sehubungan dengan itu, BL dilihat bersesuaian kerana ia menyediakan kepelbagaian corak pembelajaran yang berupaya memenuhi keperluan pelajar mengikut kondisi individu pelajar (Bersin 2004; Kaur 2013). Kondisi ini bertepatan dengan elemen *da'wah* yang menyarankan setiap daie agar menyampaikan ajaran dengan mengenali golongan sasaran.

Seterusnya, untuk menjayakan strategi BL, semua pihak hendaklah bekerjasama meliputi pelajar, pensyarah, rakan-rakan, pakar kandungan, pentadbir, pereka bahan, pakar teknologi dan teknikal. Salah satu di antara ciri BL ialah bekerjasama di antara semua unit di dalam komuniti pembelajaran agar matlamat yang digariskan tercapai seperti yang dihasratkan. Dalam konteks ini, ia selari dengan tuntutan Islam yang menganjurkan manusia agar bekerjasama dalam semua perkara selagi mana tidak menyalahi tuntutan dan syariat Allah. Selain itu, Allah mencipta semua makhluk dengan komposisi elemen yang pelbagai dan setiap satu kejadiannya mempunyai tugas dan peranan masing-masing yang saling bekerjasama di antara satu sama lain. Umpamanya, tubuh badan manusia dan organ, sistem badan dan sel, begitu juga semua bahagian di dalam alam semesta menyokong, membantu dan bekerjasama di

antara satu sama lain. Antaranya kejadian udara dan air, tanah dan matahari bekerjasama yang membolehkan tumbuh-tumbuhan meneruskan kehidupan (Gulen 2006).

Setiap perkara di dalam alam semesta patuh kepada undang-undang yang telah ditentukan oleh pencipta iaitu Allah mengikut tempat dan skema yang ditetapkan (A'la Mawdudi 2013). Konsep ini menjelaskan bahawa setiap ciptaan Allah saling bekerjasama di antara satu dengan yang lain. Justeru pembelajaran yang melibatkan pemerolehan pengetahuan daripada pelbagai sumber sudah tentu memerlukan kerjasama pelbagai pihak untuk memastikan kecekapan proses penyampaian ilmu. BL juga merupakan salah satu strategi pembelajaran yang turut melibatkan kerjasama pelbagai pihak untuk menjayakan pelaksanaannya samada secara bersemuka antara pelajar dan pensyarah, dalam talian mahupun di dalam dunia realiti. Fenomena ini memenuhi elemen *da'wah* secara hikmah dalam konteks toleransi.

Selain itu, Islam menyeru penganutnya agar mematuhi perintah Allah bersesuaian dengan makna Islam yang dibawa oleh A'la Mawdudi (2013) ialah penyerahan dan patuh sepenuhnya kepada Allah. Namun begitu, Allah menyediakan dua perbezaan sfera terhadap aktiviti manusia. Satu daripadanya manusia akan melihat setiap dirinya wajib patuh kepada undang-undang yang ditetapkan oleh Allah. Manakala satu bahagian lagi, Allah mengurniakan kepada manusia akal dan intelek. Manusia mempunyai kuasa untuk berfikir dan menentukan hukuman, memilih atau menolak, menerima atau sebaliknya. Manusia diperlengkapi dengan anugerah kebebasan memilih (*free will*) iaitu menerima pakai apa sahaja corak kehidupan yang dia pilih dan suka (Kamarudin 2010). Situasi ini sama juga seperti makhluk lain. Walau bagaimanapun, kebebasan manusia berbeza dengan makhluk kerana berbeza peranan, maka manusia bertanggungjawab terhadap potensi kebebasan memilih (Rohana 2010). Manusia diberi kebebasan fikiran, pilihan dan tindakan bermula daripada alam rahim (Wan Mohd Nor 2005; A'la Mawdudi 2013). Bahkan, Allah berfirman mengenai perjanjian roh manusia dengan Allah S.W.T seperti yang terdapat dalam surah al-A'raaf ayat 172 (Abdullah Muhammad Basmeih 2001) iaitu:

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa (roh) mereka (seraya berfirman): Bukankah Aku ini Tuhanmu?. Mereka menjawab: Betul (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi”, (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari Kiamat kamu tidak mengatakan: “Sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap ini (Keesaan Tuhan)”.

(Al-A'raaf 7:172)

Ayat di atas dengan jelas menunjukkan Allah mengambil kesaksian terhadap roh. Kejadian ini tidak diceritakan dalam proses penciptaan makhluk lain seperti alam haiwan dan manusia. Kejadian ini menunjukkan Allah S.W.T memberi pilihan kepada manusia (Wan Mohd Nor 2005). Dalam konteks ini, pembelajaran adalah salah satu pilihan manusia dan dengan itu pelajar perlu memilih corak pembelajaran yang tepat serta bersesuaian agar dapat memenuhi keperluan emosi dan spiritual yang menjadi asas kepada pembangunan manusia secara menyeluruh (Rohana 2010).

Menurut Muhammad al-Mahdi (2004), kebebasan memilih berkait rapat dengan ikhtiar. Ikhtiar tidak hanya membawa maksud kebebasan untuk melakukan sesuatu tetapi ia perlulah mengandungi tujuan yang baik. Selari dengan perkembangan dunia digital yang dialami oleh pelajar, pelajar telah didedahkan dengan teknologi sebelum memasuki universiti. Oleh yang demikian, pelajar seharusnya diberi peluang untuk memilih strategi pembelajaran yang diminati agar keberhasilan yang tinggi tercapai. Maka, sudah tentu BL yang menyediakan pembelajaran dalam pelbagai persekitaran, modaliti, peranan dan medium penyampaian dapat meraikan minat pelajar yang berbeza perspektifnya. Dalam konteks ini pula, elemen *da'wah* secara hikmah iaitu mencari persamaan dengan audien adalah selari dengan konsep BL.

Sebagai tambahan, bertitik tolak daripada pandangan al-Ghazali, semua perkara yang dilakukan termasuk belajar adalah ibadah kerana semua tujuan aktiviti kehidupan adalah semata-mata sebagai usaha untuk mendekati diri kepada Allah (Mohammad 2006). Belajar melibatkan pendidik dan dakwah pula memerlukan kepada pendakwah. Al-Ghazali mendefinisikan pendidik ialah seseorang yang menyampaikan sesuatu yang baik, positif, kreatif dan membina diri seseorang yang bersedia menerima (Abdul Salam 2010). Manakala, al-Faruqi (2011) mendefinisikan dakwah ialah ajakan, seruan yang mana objektifnya boleh terlaksana dengan persetujuan bebas daripada pihak yang diseru. Justeru kedua-duanya, iaitu belajar dan dakwah melibatkan pihak yang perlu menyampaikan kandungan serta intipati pembelajaran kepada penerimanya sekalipun apa yang disampaikan berbeza tetapi kedua-dua pihak menerima pengaruh daripada apa yang disampaikan iaitu matlamat akhirnya ialah perubahan peribadi.

Oleh itu, jika melihat kepada konsep yang dibawa oleh al-Ghazali dan al-Faruqi (2011), untuk menyampaikan pembelajaran dan dakwah memerlukan kepada *ushub* atau kaedah yang bersesuaian. Kashif et al. (2015) menyenaraikan rangka kerja dakwah Islam adalah berasaskan pembaharuan diri, luar biasa, puas hati, bermotivasi dan menarik. Dari sudut pembelajaran, Driscoll (2005) mengaitkan keberkesanannya dipengaruhi oleh instruksi yang dihuraikan dalam teori pembelajaran. Ia bersesuaian dengan Yilmaz dan Orhan (2010) yang melihat BL mempunyai ciri-ciri pembelajaran tambahan kerana ia menyediakan pelbagai persekitaran pembelajaran di mana-mana tempat, pada bila-bila masa untuk mana-mana tempoh yang diminati. Di samping itu, BL mengadakan pembelajaran dan perbincangan secara bersemuka, interaksi dalam talian dan berpeluang mengulangkaji kandungan bahan pembelajaran mengikut kesesuaian pelajar (Lewin et al. 2009). Ini menunjukkan strategi BL memanfaatkan semua kemudahan, kemahiran dan peranan oleh pelbagai pihak bagi memastikan keberkesanan pembelajaran. Ia mempunyai keselarian dengan elemen da'wah secara hikmah iaitu mengetahui masa bersesuaian bicara dan diam dan memilih perkataan yang tepat dalam bicara. Di samping itu, ia turut meraikan elemen *al-mujadalah* dalam konsep *da'wah* yang mana untuk memastikan apa yang disampaikan kepada penerima didengari, diminati dan diterima, perlu adanya aspek perbualan dan dialog di antara kedua-dua pihak.

Manusia menyedari bahawa Allah menganugerahkan potensi yang berbeza-beza kepada setiap individu. Walau bagaimanapun, terserah kepada individu untuk menggunakan anugerah tersebut dalam mencapai cita-cita dan matlamat. Manusia memperoleh kejayaan melalui pelbagai cara, sesetengah melalui penciptaan teknologi, sesetengah melalui kreativiti dan sesetengah melalui sukan (Kamarudin 2010). Dimensi hubungan manusia meliputi hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Ketiga-tiga hubungan ini tidak wujud dalam satu garisan linear atau sehala bahkan ia lebih bersifat *inter* dan *intra* (dua hala) (Ghazali 2012). Demikian juga dalam pembelajaran, pelajar tidak menerima ilmu daripada guru semata-mata malahan interaksi pelbagai hala antara guru, pelajar, pakar, rakan-rakan dan bahan dapat mengoptimumkan hasil pembelajaran yang diperolehi. Hal ini bersesuaian dengan elemen *da'wah* bagi kategori *mau'izah hasanah* iaitu perlunya manusia itu kepada nasihat, perkhabaran gembira atau dukacita, peringatan dalam bentuk wasiat mahupun cerita yang disampaikan.

Hakikatnya, tugas guru menurut Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi (2010), dari perspektif Islam merangkumi pelbagai tanggungjawab yang sangat luas dalam pembangunan akhlak dan diri manusia sebagai ***murabbi, muaddib, mursyid, mudarris bukan semata-mata mu'allim***. Secara amalan dan yang tertulis di dalam kisah para Nabi, tugas guru perlu dikaitkan dengan tugas seorang pendakwah dan dengan erti kata lain seorang guru atau pensyarah adalah juga seorang pendakwah atau da'i. Pastinya, metode dan strategi yang digunakan perlu dipelbagaikan bagi memaksimum keberkesanan dakwah yang dijalankan. Hasil pembelajaran yang paling utama yang ingin dicapai dalam pelaksanaan setiap kursus ialah pelajar-pelajar dapat menguasai dan menghayati ilmu yang dipelajari oleh mereka (Ab. Halim 2014). Justeru, kurikulum yang lengkap perlu disokong dengan kaedah pengajaran yang sempurna untuk memantapkan lagi proses P&P seterusnya. Oleh itu BL yang merupakan salah satu model

pembelajaran pada masa kini yang menggabungkan pelbagai pendekatan, serta memiliki ciri-ciri pembelajaran yang fleksibel difikirkan amat bersesuaian dengan situasi pembelajaran semasa. Pembangunan insan pensyarah berteraskan konsep *mudarris*, *muaddib*, *murabbi*, *mursyid* dan *mu'allim*, berupaya mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria serta menggalakkan pelajar untuk menguasai ilmu.

Pembelajaran menerusi konsep 5M adalah bersandarkan kepada masa pensyarah yang tidak terhad mengajar di dalam dewan kuliah sahaja, tetapi boleh dilanjutkan di luar kelas, di lapangan atau dalam talian mengikut kecenderungan dan minat pelajar. Bukan itu sahaja pensyarah perlu menyesuaikan strategi pengajaran dengan minat dan kebolehan pelajar, menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai (*Mudarris*). Selain itu pensyarah hendaklah menunjukkan sikap mengambil berat terhadap perkembangan adab pelajar (*Muaddib*). Malahan pensyarah bertanggungjawab penuh untuk mengembangkan bakat dan potensi pelajar secara beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik (*Murabbi*). Pensyarah juga berperanan memberi arahan, panduan, bimbingan dan petunjuk serta memimpin ke jalan yang benar (*Mursyid*). Walau bagaimana luasnya fungsi pensyarah, pensyarah tidak terkecuali terlibat dalam proses pemberitahuan, pengajaran, pemindahan dan penyampaian maklumat (*Mu'allim*) (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2012).

Gabungan kelima-lima peranan berupaya memantapkan tahap profesionalisme pensyarah di dalam proses P&P. Ini menunjukkan kaedah kuliah, kaedah bercerita, kaedah perbincangan, kaedah pembentangan dan kaedah-kaedah lain yang dilakukan secara terasing di dalam kelas tidak dapat melengkapkan kitaran 5M sebagai pensyarah. Bersesuaian dengan perkembangan teknologi masa kini, strategi BL yang mengamalkan konsep gabungan kaedah-kaedah yang terbaik dalam P&P tanpa had sempadan masa dan tempat memberi ruang kepada pelajar untuk meneroka ilmu pengetahuan, menghayati dan mengamalkan dalam kehidupan. Ia juga dapat menyumbang kepada dakwah kerana proses penyampaian ilmu yang berterusan oleh pensyarah dan perkongsian ilmu antara pelajar dan pensyarah, pelajar dan pakar, pelajar dan rakan-rakan serta komuniti dalam talian mahupun di lapangan dapat membentuk pelajar ke tahap yang lebih tinggi.

3. Kesimpulan

Para pelajar mempunyai perbezaan dari segi kebolehan, minat dan potensi yang dipengaruhi oleh faktor baka dan persekitaran menyebabkan ketidaksamaan di kalangan individu sama ada dari segi fizikal, mental, sosial dan emosi (Ah Meng 2003; Ghazali 2012). Hassan (1981) mengakui terdapat perbezaan di kalangan manusia dari segi jasmani, emosi, intelek dan sikap. Secara fitrah juga, pertumbuhan manusia yang sedang melalui proses pendidikan akan wujud secara berbeza menurut kemampuan individu. Justeru, BL yang direka dengan pelbagai modaliti dan kaedah penyampaian sedikit sebanyak menyumbang kepada keselesaan dan kepuasan pengguna. Dengan mengamalkan pembelajaran berasaskan strategi BL, secara tidak langsung pensyarah dapat memanfaatkan ruang pembelajaran dengan optimum dan berpeluang menyampaikan *da'wah* kepada pelajar. Oleh itu hasrat Kementerian Pengajian Tinggi seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) dapat direalisasikan bagi mencapai aspirasi pembelajaran sepanjang hayat, graduan holistik dan seimbang dan pembelajaran dalam talian tahap global. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada penerimaan positif para pensyarah dalam mengamalkan pembelajaran berasaskan strategi BL kerana ia bukan sahaja memberi fokus kepada aspek teknologi semata-mata malahan ia tetap mempertahankan pertemuan secara terbuka dan pendekatan secara tradisional yang lain bagi mendukung aspek sentuhan kemanusiaan. Malahan menariknya BL ialah, ia mengekalkan kaedah atau pendekatan pembelajaran lama yang baik dan menerima kaedah atau pendekatan pembelajaran baru yang lebih baik. Terma ini berselarian dengan konsep *da'wah* yang memerlukan para daie menguasai dan memahami keperluan mad'u, berorientasikan perubahan zaman kerana Islam itu bersifat universal.

4. Rujukan

- A'la Mawdudi, S. A. (2013). *Towards Understanding Islam*. Terj. Khurshid Ahmad. United Kingdom: The Islamic Foundation.
- Ab. Aziz Mat Zain. (1997). Pengantar dakwah islamiah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Halim & Nik Mohamad Rahimi. (2010). Isu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Dlm. Ab. Halim & Nik Mohd Rahimi (pnyt.). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Hlm. 19-37. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri. (2014). 5 Mim: Peranan dan jati diri guru. Kertas kerja Konvensyen Sekolah-Sekolah Agama Menengah Tahfiz Aliran Sains Peringkat Kebangsaan Kali ke-5. Anjuran Jabatan Agama Islam Selangor, KUIS & UNISEL, Hotel Carlton Holiday. Shah Alam, 20 November.
- Abdul Fattah Abu Guddah. (2011). *40 Strategi Pendidikan Rasulullah*. Selangor: Pelima Media Sdn. Bhd.
- Abdul Salam Yussof. (2010). *Idea-idea Pendidikan Berkesan al-Ghazali & Konfusius*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Muhammad Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* (30 Juzuk). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ah Meng, E. (2003). *Ilmu Pendidikan: Pengetahuan dan Keterampilan Ikhtisas (Semester 1)*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Al-Faruqi, I. (2011). On the nature of Islamic Da'wah. *International Review of Mission* 65(260): 391-409.
- Azizah Lebai Nordin. (1999). Guru Pendidikan Islam yang berkesan. *Masalah Pendidikan*. 22, 173-184.
- Bersin, J. (2004). *The Blended Learning Book: Best Practices, Proven Methodologies, and Lessons Learned*. San Francisco, CA: Pfeiffer Publishing.
- Cho, Cho Wai & Ernest, Lim Kok Seng. (2013). Measuring the effectiveness of blended learning environment: A case study in Malaysia. *Springer Science+Business Media New York 2013*.
- Driscoll, M. P. (2002). Blended learning: Lets get beyond the hype e-learning. <http://www.ltimagazine.com/ltimagazine/article/articleDetail.jsp?id=11755> [17 Feb 2014].
- Duh, M. & Krasna, M. (2010). Interactive e-Learning Materials: How to Prepare and Use it Properly?. *Proceedings of the 33rd International Convention MIPRO*, hlm. 833-836.
- Esyin, Chew. (2009). A blended learning model in higher education: A comparative study of blended learning in UK and Malaysia. Disertasi Ph.D. University of Glamorgan.
- Fry, H., Ketteridge, S. & Marshal, S. (2009). Understanding student learning. Dlm. Fry, H., Ketteridge, S. & Marshall, S. (pnyt.). *A Handbook for teaching and learning in higher education*, hlm. 8-26. New York: Routledge Taylors & Francis Group.
- Ghazali Basri. (2012). *Falsafah Pendidikan Islam Huraian Konsep & Aplikasi*. Jil. 2. Brunei: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.
- Graham, C. R. (2004). Blended learning systems: Definition, current trends, and future directions. Dlm. Bonk, C.J. & Graham, C.R. (pnyt.). *Handbook of blended learning: Global Perspectives, local designs*, hlm. 19-67. San Francisco, CA: Pfeiffer Publishing.
- Graham, C. R. (2006). Blended learning systems: Definition, current trends and future directions. Dlm. Bonk, C.J. & Graham, C.R. (pnyt.). *Handbook of Blended Learning: Global Perspectives, Local Designs*, hlm. 3-21. San Francisco: Pfeiffer Publishing.
- Gulen, M. F. (2006). *Essentials of the Islamic Faith*. Terj. Ali Unal. New Jersey USA: The Light, Inc.

- Hassan Langgulung. (1981). *Beberapa Tinjauan dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Huang, Lin-na. (2012). Practical teaching design of basis of college computer engineering based on blended learning model. *Springer Journal of Advanced Technology in Teaching* 163: 119-123.
- Ibrahim Yasar Kazua & Mehmet Demirkolb. (2014). Effect of blended learning environment model on high school students' academic achievement. *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology* 13(1): 78-86.
- Kamarudin Hussin. 2010. *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2012). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Edisi ke-5. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kashif, M., De Run, E. C., Mohsin, A. R. & Ting, H. (2015). Bringing Islamic tradition back to management development: A new Islamic Dawah based framework to foster workplace ethics. *Journal of Islamic Marketing* 6 (3): 388-405.
- Kaur, M. (2013). Blended learning - Its challenges and future. *Procedia Social and Behavioural Sciences* 93, hlm. 612-617.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Tinggi)* 20-21.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2010). Laporan penyelidikan pelaksanaan dan keberkesanan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di IPTA Malaysia. Sekretariat Jawatankuasa Induk TITAS IPT, hlm. 29.
- Krippendorff, Klaus. (2004). *Content analysis: An Introduction to its methodology*. Sage Publications.
- Lewin, L. O., Singh, M., Bateman, B. L. & Glover, P. B. (2009). Improving education in primary care: Development of an online curriculum using the blended learning model. *BMC Medical Education* 9 (33): 1-7.
- Lu, Huang Ying. (2013). *Technology integration and pedagogical innovations in Malaysian higher education institutions*. Tesis Dr. Fal. Institute of Educational Leadership, UM Kuala Lumpur.
- Mahadi Abu Hassan. (2006). *Kompetensi Pensyarah di dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P): Satu Kajian Di KUTKM*. Melaka: Pusat Perkhidmatan Akademik Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.
- Malek Shah & Liew, Swee Liang. (2002). Model kompetensi dan perkhidmatan awam Malaysia. *Jurnal Pengurusan Awam* 1(2): 1-15.
- Moh. Uzer Usman. (2002). *Menjadi Guru Profesional*. Jakarta: Roda Karya.
- Mohamad Azhari Abu Bakar, Siti Norazilah Mohd Said, Surena Sabil, Norhasniah Ibrahim, Aina Razlin Mohammad Roose, Edris Aden, Ida Juliana Hutasuhut & Zulmahari Marawi. (2012). Pemantapan pengajaran dan pembelajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Kajian Tinjauan Persepsi Pelajar. *Kertas kerja Regional Conference On Cross Cultural Communication and National Integration 2012 (RECCNI2012)*. Anjuran National Defence University of Malaysia. Kuala Lumpur. 19-21 Jun.
- Mohamed Amin Embi. (2010). Pelaksanaan e-Pembelajaran menggunakan SPIN. Dlm. Mohamed Amin Embi (pnyt.). *Panduan amalan pengajaran dan pembelajaran berkesan*, hlm. 37-55 (t.tp.): (t.pt.).
- Mohammad Muchlis Solichin. (2006). Belajar dan mengajar dalam pandangan al-Ghazali. *Tadris* 1(2): 139-153.
- Muhamad Faisal Ashaari, Zainab Ismail, Anuar Puteh, Mohd Adib Samsudin, Munawar Ismail, Razaleigh Kawangit, Hakim Zainal, Badlihisaham Mohd Nasir & Mohd Ismath Ramzi. (2011). An assessment of teaching and learning methodology in Islamic studies. *ELSEVIER. Procedia Social and Behavioural Sciences* 59: 618-626.

- Muhammad al-Mahdi. (2004). *Understanding The Concept of Khalifah; Khalifah Series 1*. Ampang: The Khalifah Institute.
- Mustapha Kamal Ahmad Kassim. (2015). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang: Kajian kaedah dan keberkesanannya. Tesis Dr. Fal. Akademi Pengajian Islam, UM.
- Nor Amin Sayani Zainal & Mohd Ismail Mustari. (2012). Penerapan metode dakwah di dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (P & P) di dalam dan luar bilik darjah. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI)*. Anjuran Fakulti Tamadun, UTM Skudai dan KUPUS, 08-09 March 2012.
- Norhapizah Mohd Burhan & Ab. Halim Tamuri. (2013). Persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran pensyarah dalam Pendidikan Islam: Pendekatan Blended Learning (BL) sebagai suatu alternatif. Kertas kerja *International Conference on Islamic Education (ICIED)*. Anjuran Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM), ESSET KWSP, 06-07 April 2013.
- Norhayati Fatmi Talib, Bani Hidayat Mohd Shafie, Mohd Huzairi Awang@Husain, Hajarul Bahti Zakaria & Ab. Halim Tamuri. (2010). Pelaksanaan Kursus Tamadun Islam di Institusi Pengajian Tinggi: Satu sorotan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali ke-4*, hlm. 322-333.
- Nurmalinda. (2011). Kompetensi profesionalisme pensyarah di Fakultas Pendidikan Universitas Islam Riau. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Oliver, M. & Trigwell, K. (2005). Can 'blended learning' be redeemed?. *E-Learning* 2(1), 17-26.
- Osguthorpe, R. T., & Graham, C. R. (2003). Blended learning systems: Definitions and directions. *Quarterly Review of Distance Education* 4 (3): 227-234.
- Rohana Hamzah. (2010). *Mengenal Manusi Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Sardiman Arief. (2003). *Interaksi dan Motivasi Belajar Mengajar*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Singh, H. (2003). Building effective blended learning programs. *Journal of Educational Technology* 43 (6): 51-54.
- Wan Amizah Wan Mahmud, Normah Mustaffa & Fauziah Ahmad. (2012). Teknik selingan bagi menghilangkan kebosanan dan rasa mengantuk pelajar semasa kuliah. Dlm. Lilia Halim, Chang, Peng Kee dan Hassan Basri (pnyt.). *Mercu kesarjanaan pengajaran dan pembelajaran penyelidikan tindakan di Institusi Pengajian Tinggi*, hlm. 197-204. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2005). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam; Syed M.Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wan Zulkifli Wan Hassan & Mohd Arip Kosmo. (2012). Keberkesanan kaedah pengajaran bagi kursus Tamadun Islam Tamadun Asia serta kaitannya dengan minat pelajar. Dlm. Lilia Halim, Chang, Peng Kee & Hassan Basri (pnyt.). *Mercu Kesarjanaan Pengajaran dan Pembelajaran Penyelidikan Tindakan di Institusi Pengajian Tinggi*, hlm. 144-154. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yilmaz, M. B. & Orhan. (2010). Pre-Service English teachers in blended learning environment in respect to their learning approaches. *The Turkish Online Journal of Educational Technology* 9(1):157-163.
- Zaid Ahmad, Ahmad Tarmizi & Sri Rahayu. (2004). E-Pengajaran, pembelajaran kursus TITAS: Pengalaman UPM. *Prosiding Bengkel Kebangsaan Ketiga Pengajaran TITAS di IPTA*. Anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, 13-15 April.
- Zulkifli Mohamad Noh. (2002). Pandangan para pelajar terhadap kursus TITAS di IPTA: Suatu kajian kes di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah Darul Aman. Disertasi Sarjana Usuluddin. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.